

# Qatar jemput Dr. Mahathir hadiri sidang tergempar OIC

UM 22 FEB 2003

KUALA LUMPUR 21 Feb.

— Qatar sudah menghantar surat menjemput kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menghadiri sidang tergempar Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam (OIC) yang akan diadakan di Doha, pada 4 dan 5 Mac ini.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, jemputan itu telah dihantar ke pejabat Perdana Menteri beberapa hari lalu dan salinannya disampaikan oleh rakan sejawatan beliau, Ahmed Abdulla Al-Mahmoud pada pertemuan dua hala di sini semalam.

Menurut Syed Hamid, beliau telah menghubungi Dr. Mahathir berhubung perkara itu tetapi belum dapat mengesahkan kehadiran Perdana Menteri ke persidangan tersebut.

"Perdana Menteri sedang bercuti ketika itu tetapi kita minta supaya dia dapat hadir ke persidangan itu sebab banyak negara OIC mahu (Dr. Mahathir) turut serta," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan pertemuan dengan Menteri Luar Ecuador, Nina Pacari Vega, yang mengetuai delegasi negara itu ke Sidang Kemuncak Ke-13 Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) yang sedang berlangsung di sini.

Perdana Menteri dija-

duakan bercuti selama dua bulan sebaik sahaja selesai persidangan NAM.

Syed Hamid berkata, Ahmed Abdulla dalam pertemuan dengannya menyampaikan harapan Qatar supaya Malaysia menyokong sidang tergempar yang akan dianjurkan oleh negara itu.

Menurutnya, negara itu khawatir mesyuarat tidak rasmi yang diadakan di sini akan menggagalkan sidang tersebut.

Justeru katanya, beliau telah memberi jaminan kepada Qatar bahawa mesyuarat yang diadakan di Malaysia hanya pertemuan tidak rasmi tanpa menetapkan kuorum tertentu bagi ketua-ketua kerajaan OIC.

"Ini adalah sidang tidak rasmi jadi kita tidak akan keluar sebarang kenyataan atau keputusan.

"Hanya untuk memperkayakan kita dengan bertukar pendapat supaya kita tahu isu-isu yang perlu kita utamakan semasa sidang rasmi di Doha," katanya.

Menurutnya, Malaysia melihat mesyuarat tidak rasmi di sini penting untuk negara-negara OIC bertukar pandangan serta memberi input terhadap pelbagai isu di dunia hari ini.

Sebanyak 50 daripada 56 negara anggota OIC merupakan anggota NAM.